

**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI GEORGETOWN
DALAM NEGERI PULAU PINANG, MALAYSIA**

GUAMAN NO: PA-B52-11-10/2023

ANTARA

1. KOID MEI NEE (No. K/P: 760825-07-5018)

2. SIOW BOON PENG (No. K/P: 690203-05-5273)

..... PLAINTIF-PLAINTIF

DAN

ONG KO LYN (NO K/P:750523-07-5224)

.....DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

- [1] Plaintiff memfailkan tuntutan saman gantirugi terhadap Defendan atas penerbitan yang bersifat memalukan dan berniat jahat oleh Defedan terhadap Plaintiff. Sebelum perbicaraan bermula, Plaintiff memohon untuk menarik balik tuntutan terhadap Defendan dengan kebebasan memfailkan semula. Defendan haya bersetuju jika Plaintiff menarik balik tuntutan tanpa kebebasan memfailkan semula dan memohon kos RM25,000.00.



S/N syBcozDpkCUbwpTS5sSg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- [2] Mahkamah membenarkan Plaintiff menarik balik tuntutan dengan kebebasan memfailkan semula dengan kos RM5,000.00. Defendan merayu terhadap keputusan tersebut.

RINGKASAN KES

- [3] Plaintiff-Plaintif adalah rakan kongsi dan/atau pemilik bersama yang berdagang di bawah nama dan caragaya AP Consultancy Link . Plaintiff Pertama memulakan tindakan ini terhadap Defendan atas kapasitinya sebagai pemilik bersama APCL. Plaintiff ke-2 memulakan tindakan ini terhadap Defendan sebagai pemilik bersama APCL dan juga atas kapasiti peribadinya. Manakala Defendan adalah merupakan Pengarah suatu syarikat yang dikenali sebagai EPS Integration Sdn. Bhd. ("EPSI").
- [4] Pada atau sekitar April 2021, Plaintiff-Plaintif dalam memberikan perkhidmatan perundingannya telah memperkenalkan suatu projek pembuatan *Automatic Foam Dispenser* (AFD) kepada EPSI, yang mana EPSI hendaklah membuat dan mengeluarkan Produk Tersebut untuk suatu syarikat pelanggan yang dikenali sebagai Rapid Growth Technology Sdn. Bhd.
- [5] Bagi tujuan di atas, Plaintiff-Plaintif dan EPSI telah memasuki suatu perjanjian "*APCL Design and OEM Win Registration Program*", yang mana antara lain, menggariskan terma-terma yuran perundingan Plaintiff-



Plaintif atas perkhidmatannya untuk EPSI.

- [6] Pada 30.6.2022, Defendan melalui alamat e-mel peribadinya iaitu "ongkolyenn7909@gmail.com", telah menghantar suatu e-mel kepada, antara lain, Plaintif-Plaintif dan menyalin e-mel tersebut kepada pelbagai pihak ketiga iaitu pegawai-pegawai RGT. E-mel tersebut telah membuat pelbagai tuduhan terhadap Plaintif-Plaintif berkenaan sifat projek tersebut, yuran perundingan Plaintif-Plaintif dan perwatakan Plaintif-Plaintif.
- [7] Plaintif menyatakan bahawa e-mel tersebut bersifat fitnah dan mempunyai maksud dan/ atau difahami untuk bermaksud bahawa Plaintif-Plaintif tidak jujur, mempunyai pakatan sulit dengan RGT untuk memburukkan EPSI dan tidak profesional dalam menguruskan projek tersebut.
- [8] E-mel tersebut juga bersifat fitnah terhadap Plaintif ke-2 dalam kapasiti peribadinya apabila kandungan e-mel tersebut memberi maksud dan/ atau difahami untuk bermaksud bahawa Plaintif ke-2 adalah seorang yang ganas, berperwatakan buruk dan tidak profesional.
- [9] Defendan juga telah berniat jahat (*malicious*) dalam menerbitkan e-mel tersebut kerana telah menyalinnya kepada pelbagai pihak ketiga, dengan pengetahuan bahawa kandungannya tidak benar dan apabila



mengetahui bahawa pihak-pihak ketiga tersebut bukan pihak dan tidak mempunyai sebarang kepentingan kepada perjanjian yang dimasuki oleh Plaintiff-Plaintif dan EPSI.

- [10] Kandungan e-mel tersebut dan kebolehan untuk penyebarannya juga telah mendedahkan Plaintiff-Plaintif kepada satu skandal, kebencian dan penghinaan di mata pegawai dan kakitangan-kakitangan APCL, RGT, dan Industri Tersebut.
- [11] Susulan e-mel tersebut, RGT telah membuat keputusan untuk tidak lagi terlibat dengan Plaintiff- Plaintiff dan/atau APCL dalam Projek tersebut dan dalam sebarang peluang potensi perniagaan bagi mengelakkan daripada mengalami isu-isu dan komplikasi- komplikasi yang didakwa dalam e-mel tersebut.
- [12] Perkhidmatan perundingan semasa Plaintiff-Plaintif juga telah terjejas kerana salah satu potensi pembekal RGT dalam suatu projek berpotensi yang lain iaitu sebuah syarikat yang dikenali sebagai P-Plus Sdn. Bhd. telah memaklumkan kepada APCL bahawa mereka ingin berhubung terus dengan RGT tanpa perkhidmatan perundingan APCL.
- [13] Oleh itu, Plaintiff-Plaintif dan Plaintiff Ke-2 dalam kapasiti peribadinya telah mengalami kerosakan yang serius ke atas reputasi perniagaannya sebagai sebuah syarikat dan menanggung malu dalam Industri tersebut dan kesusahan dan/atau kepayahan (*distress*) yang disebabkan oleh e-mel



tersebut. Plaintiff Ke-2 dalam kapasitas peribadinya juga telah difitnah dengan serius dan menanggung kerugian yang besar, kesakitan dan malu.

[14] Dalam membalas tuntutan tersebut Defendan menyatakan perkataan-perkataan yang diadukan fitnah oleh Plaintiff-Plaintif langsung tidak merujuk kepada Plaintiff-Plaintif dengan nyata mahupun diidentifikasi secara khusus. Malah, Plaintiff-Plaintif juga telah gagal menterjemahkan perkataan-perkataan yang diadukan fitnah dari bahasa asal dalam Pernyataan Tuntutan .

[15] Menurut Defendan Perkataan-perkataan yang diadukan fitnah oleh Plaintiff-Plaintif adalah merupakan kandungan emel yang dihantar oleh Defendan kepada mereka yang terlibat dalam projek tersebut, untuk memaklumkan progres dan segala kesulitan yang dialami oleh EPSI. Defendan mempunyai tanggungjawab dan/atau kepentingan yang sah untuk menyampaikan perkataan-perkataan diadukan fitnah oleh Plaintiff-plaintif dan/atau perkara-perkara di dalamnya kepada mereka yang terlibat dalam projek tersebut yang mempunyai kepentingan yang sah untuk menerima dan/atau diberitahu mengenainya.

[16] Oleh itu, perkataan-perkataan diadukan fitnah oleh Plaintiff-plaintif hanya suatu pernyataan terhadap progres projek tersebut dan tidak berniat untuk membawa makna unsur fitnah kepada Plaintiff-plaintif.



ANALISA KES

- [17] Semasa sesi e review diadakan, Peguam Plaintiff telah diarahkan oleh Plaintiff-Plaintif untuk menarik balik tuntutan terhadap Defendan dengan kebebasan memfailkan semula.
- [18] Peguam Plaintiff 1, 2 membantah jumlah kos yang terlalu tinggi yang dipohon Defendan kerana tarikh perbicaraan masih belum ditetapkan dan kertas-kertas pra-perbicaraan juga masih belum lengkap difailkan. Berdasarkan senarai saksi, tentatifnya hanya seorang saksi daripada setiap pihak yang dipanggil dan sebarang kos hendaklah tidak memberi keuntungan kepada mana-mana pihak. Plaintiff-Plaintif menawarkan kos prosiding sebanyak RM1,000.
- [19] Plaintiff menyatakan permohonan untuk memfailkan semula dibuat kerana Plaintiff-Plaintif masih berhasrat untuk menyelesaikan perkara tersebut dan menjimatkan masa dan kos ,walaupun Defendan telah menolaknya.
- [20] Menurut Plaintiff merujuk Aturan 59, k. 23 itu adalah kos selepas perbicaraan dan penghakiman telah pun diberi. Dalam kes ini, perbicaraan belum dimulakan dan sebarang penghakiman belum diberi oleh Mahkamah ini dan Plaintiff-Plaintif juga telah mengeluarkan kos berkenaan perkara-perkara yang dinyatakan Defendan. Oleh yang demikian kos yang diberikan bukanlah sepatutnya atas dasar indemniti



[21] Peguam Defendan menyatakan beliau tiada bantahan terhadap penarikan semula saman tertakluk kepada plaintif-plaintif membayar kos sebanyak RM25,000 kepada defendan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penarikan, dengan tiada kebebasan untuk memfailkan semula.

[22] Peguam Defendan sebaliknya menyatakan, menurut Aturan 59 KKM 2012, Defendan berhak untuk kos dalam lingkungan hingga RM40,000 tetapi untuk menjimatkan masa dan kos, arahan daripada anak guam untuk menerima hanya RM25,000.

[23] Menurut Peguam Defendan kos yang ditawarkan oleh plaintif-plaintif adalah tidak munasabah berikutan pihak-pihak sudah mematuhi arahan PTCM dan bersedia untuk perbicaraan. Malahan, defendan telah mengeluarkan kos yang banyak dari segi pembelaan, pemfailan dokumen-dokumen PTCM dan melantik peguam.

[24] Peguam Defendan menyatakan defendan perlu dipampas oleh plaintif-plaintif untuk kos dan masa bagi menjawab saman plaintif-plaintif. Plaintif-plaintif tidak seharusnya diberi kebebasan untuk memfailkan semula kerana pihak-pihak kini sudah berada di peringkat akhir PTCM dan banyak kos dan masa telah dikeluarkan dan tindakan penarikan saman ini hanyalah tactical manoeuvre plaintif-plaintif.



[25] Menurut Peguam Defendan lagi sekiranya Mahkamah memberi peluang kepada plaintif-plaintif untuk memfailkan semula keseluruhan guaman, ia bukan sahaja mahal malah akan mengambil masa dan sia-sia, Ia akan memberi peluang kedua kepada plaintif-plaintif untuk melakukan sesuatu, terutama apabila cubaan pertama gagal. Oleh itu, memandangkan banyak isu-isu yang dibangkitkan, Defendan memohon agar kes tersebut diteruskan dengan perbicaraan atau plaintif-plaintif memfailkan permohonan penarikan secara formal menurut Aturan 21 KKM 2012 agar defendan dapat mengemukakan kepada mahkamah segala kos-kos, masa dan tenaga kerja yang telah dikeluarkan bagi menjustifikasikan jumlah kos yang diminta.

[26] **Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah menyatakan seperti berikut:-**

1. Penarikan balik kehadiran (A. 21 k. 1)

Suatu pihak yang telah memasukkan suatu kehadiran dalam suatu tindakan boleh menarik balik kehadiran itu pada bila-bila masa dengan kebenaran Mahkamah.

2. Pemberhentian tindakan tanpa kebenaran (A. 21 k. 2)

(1) Plaintif dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui writ boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, memberhentikan tindakan atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat oleh plaintif, terhadap mana-mana atau semua defendan pada bila-bila masa tidak lewat



daripada empat belas hari selepas penyampaian pembelaan kepadanya atau, sekiranya terdapat dua atau lebih defendan, pembelaan yang akhir sekali disampaikan, dengan menyampaikan suatu notis dalam Borang 32 bagi maksud itu kepada defendan yang berkenaan.

(2) Seorang defendan boleh, tanpa kebenaran Mahkamah-

(a) menarik balik pembelaannya atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa; atau

(b) memberhentikan suatu tuntutan balas, atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat olehnya di dalam tuntutan balas itu, sebagai tindakan terhadap mana-mana atau semua pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat, pada bila-bila masa tidak lewat daripada empat belas hari selepas-

(i) pembelaan kepada tuntutan balas disampaikan kepadanya; atau

(ii) sekiranya tuntutan balas itu dibuat terhadap dua atau lebih pihak, pembelaan kepada tuntutan balas yang akhir sekali disampaikan kepadanya, dengan menyampaikan suatu notis dalam Borang 32 bagi maksud itu kepada plaintif atau mana-mana pihak lain yang berkenaan.

(3) Jika terdapat dua atau lebih defendan dalam suatu tindakan dan tidak semua defendan itu menyampaikan pembelaan kepada plaintif, dan tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk penyampaian pembelaannya oleh mana-mana defendan itu tamat selepas tarikh terakhir yang mana-mana defendan lain menyampaikan pembelaannya, perenggan (1) hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sebutan di dalamnya mengenai penyampaian pembelaan yang akhir sekali



disampaikan itu adalah sebutan mengenai tamatnya tempoh itu. Perenggan ini hendaklah terpakai berhubung dengan tuntutan balas sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu tindakan dengan sebutan mengenai pembelaan, kepada plaintif dan perenggan (1) digantikan dengan sebutan mengenai pembelaan kepada tuntutan balas, masing-masing kepada defendan dan perenggan (2).

(4) Sekiranya semua pihak dalam suatu tindakan bersetuju, tindakan itu boleh ditarik balik tanpa kebenaran Mahkamah pada bila-bila masa sebelum perbicaraan dengan mengemukakan kepada Mahkamah suatu persetujuan bertulis untuk tindakan menarik balik yang ditandatangani dengan sempurnanya oleh semua pihak.

3. Pemberhentian tindakan dengan kebenaran (A. 21 k. 3)

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh kaedah 2, suatu pihak tidak boleh memberhentikan suatu tindakan (sama ada yang dimulakan oleh writ atau selainnya) atau tuntutan balas, atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat oleh pihak itu dalam tindakan, tanpa kebenaran Mahkamah, dan Mahkamah yang mendengar suatu permohonan bagi pemberian kebenaran itu boleh memerintahkan tindakan atau tuntutan balas diberhentikan, atau mana-mana tuntutan tertentu dibuat untuk dibuang, terhadap mana-mana atau semua pihak yang terhadapnya tuntutan itu dibawa atau dibuat atas apa-apa terma tentang kos, pembawaan suatu tindakan selanjutnya atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya adil.

(2) Suatu permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan.



4. Kesan pemberhentian (A. 21 k. 4)

Tertakluk kepada apa-apa terma yang dikenakan oleh Mahkamah dalam memberikan kebenaran di bawah kaedah 3, fakta bahawa sesuatu pihak telah memberhentikan suatu tindakan atau tuntutan balas atau menarik balik suatu tuntutan tertentu yang dibuat olehnya di dalam tindakan atau tuntutan balas itu tidak boleh dijadikan suatu pembelaan kepada tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang sebahagian besarnya adalah sama.

[27] Dalam kes di hadapan Mahkamah ini perbicaraan belum diteruskan, Plaintiff memohon menarik balik tuntutan dengan kebebasan memfailkan semula semasa sesi pengurusan kes dan Mahkamah ini belum lagi mendengar tuntutan plaintiff di atas merit.

[28] Merujuk kes *Majlis Peguam Malaysia & Ors lwn Raja Segaran a/l S. Krishnan [2002] 3 MLJ 155* Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah menangguhkan kes untuk keputusan bagi tindakan plaintiff selepas mendengar hujahan lisan dimana pada masa itu plaintiff memohon untuk menarik balik tindakan pada masa saat-saat yang terakhir manakala dalam kes di hadapan Mahkamah ini, kes perbicaraan bagi Writ Saman belum dimulakan.



[29] Mahkamah ini berpendapat bahawa apa yang penting dan harus diambil kira ialah perbicaraan Writ Saman belum dimulakan. Mahkamah ini juga telah merujuk kes *Fox v Star Newspaper Co. (1898) 1 QB 636 at page 639 yang dirujuk dalam kes Majlis Peguam Malaysia & Ors lwn. Raja Segaran a/l S.Krishnan* dimana Chitty LJ berkata:-

“The principle of the rule is plain. It is that after the proceedings have reached a certain stage the plaintiff, who has brought his adversary into court, shall not be able to escape by a side door and avoid the contest. He is then to be no longer dominis litis, and it is for the judge to say whether the action shall be discontinued or not and upon what terms. I think it would be a great error to construe the rule by reference to the old meaning of the term “discontinuance” or any mere technical sense of words. The substance of the provision is that, after a stage of the action has been reached at which the adversaries are meeting face to face, it shall only be in the discretion of the judge whether the plaintiff shall be allowed to withdraw from the action so as to retain the right of bringing another action for the same subject-matter”.

[30] Dalam kes Land lwn Land (1949) All ER 218, Mahkamah Divisional yang bersidang sebagai Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa Mahkamah boleh mendengar saman kedua kerana saman pertama belum diputuskan di atas merits. Lord Merriman P berkata:-

“In this present case, there was no withdrawal of the summons upon the merits. There was a withdrawal, with the consent of the magistrates, in consequence of an informality in the proceedings”.



[31] Dalam kes *Owens lwn. Minoprio (1942) 1 All ER 32 Viscount Caldecote C.J.* selepas merujuk kes *R. Mc Donnell lwn. Tyrone 33 Digest 331* dan *Davies lwn. Morlin (1913) 2 K.B. 479* berkata:-

“Those two cases are actually decisions to the effect that, when a withdrawal of a summons is permitted by magistrates, not on the merits of the case, but on a preliminary point, the withdrawal is not equivalent to a dismissal.....”;

[32] Di atas keseluruhan kes ini, latar belakang, dan fakta kes dan prinsip undang-undang yang didapati daripada kes-kes yang dirujuk, Mahkamah ini berpendapat adalah lebih wajar dan adil sekiranya plaintif dibenarkan untuk menarik balik tindakan ini terhadap defendan-defendan dengan kebebasan untuk memfailkan dan Mahkamah menggunakan budi bicara untuk membenarkan permohonan Plaintiff tersebut.

Isu Mengenai Kos

[33] Kos adalah budibicara Mahkamah. Plaintiff mencadangkan kos sebanyak RM1000.00, manakala Defendan menuntut kos dalam anggaran RM24,000.00. Kos maksima yang boleh diberikan oleh Mahkamah mestilah tidak melebihi RM40,000.00 mengikut skala. Oleh kerana perbicaraan belum bermula, Mahkamah boleh mempertimbangkan Getting up yang telah dilakukan oleh Defendan dalam menyediakan kes. Jumlah RM5,000.00 adalah jumlah yang munasabah mengambilkira kos yang



diberikan oleh Mahkamah dalam sesuatu perbicaraan Interlokutori dalam lingkungan RM5,000.00 ke RM8,000.00.

KESIMPULAN

Mahkamah membenarkan Plaintiff menarik balik tuntutan terhadap Defendan dengan kebebasan memfailkan semula dengan kos RM5,000.00.



Dato' Hj Mohd Nasir bin Nordin
Hakim Mahkamah Sesyen Sivil 1
Georgetown
26-8-2024

Peguamcara Plaintiff :-

Tetuan Redza Eleena Chong
C-3A-6, Plaza Mont Kiara,
No. 2, Jalan Kiara, Mont Kiara,
50480 Kuala Lumpur.

Hafizuddin Amir bin Hasim,

Peguamcara Defendan:-

Tetuan Amely Khoo & Co.,
No.8, Jalan Concordia,
Gurney Drive,
10250 Georgetown,
Pulau Pinang.

Dg Sharifah Noor binti Raflee dan Khoo May Yee



S/N syBcozDpkCUBwpTS5sSg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal